

# Kejayaan Anwar sejarah kepada politik Melayu...

**BUKIT MERTA JAM, Sabtu** — Kemenangan bekas Presiden ABIM, Encik Anwar Ibrahim di kawasan Parlimen Permatang Pauh adalah kemenangan yang bersejarah tidak sahaja kepada Encik Anwar, malah juga kepada perkembangan politik Melayu di Pulau Pinang.

Demikian menurut pemerhati politik di negeri ini mengulas kejayaan calon Barisan Nasional yang ditunjuk oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir.

Memang benar Anwar pertama kali dalam sejarahnya bertanding dalam pilihanraya umum di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa Hitam. Tetapi sekaligus ia menempa sejarah kerana mendapat majoriti tertinggi

sekali di antara calon-calon BN di Pulau Pinang.

"Hari ini dalam sejarah," kata isterinya Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika mengetahui suaminya berjaya dalam pilihanraya itu, mengajuk cakap teman yang turut gembira mengetahui berita baik itu.

Encik Anwar berjaya mendapat 18,849 undi meninggalkan jauh lawannya yang terdekat, Haji Zabidi Haji Ali (PAS), yang mendapat 4,497 undi dan calon DAP, Encik Tan Ah Huat — 1,825 undi.

25,849 orang keluar membuang undi di dua puluh tiga pusat pembuangan undi.

Bekas Presiden ABIM itu yang menjadi sorotan di dalam dan luar negeri telah mengemukakan para penganalisa politik bila beliau berjaya mendapat majoriti besar 14,352.